



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU WIZRA: KRONIKA NASHAN

Penerbit X menerbitkan sebuah lagi karya terbaru Ahmad Patria Abdullah berjudul Wizra: Kronika Nashan. Beliau seorang penulis fantasi dan sains fiksyen yang tersohor. Sebelum ini beliau lebih dikenali menerusi buku-buku dalam siri fantasi *Saga Artakusiad* dan *Aristokra*.

Secara umumnya, Wizra menyambung naratif dalam *Aristokra*, iaitu buku pertama Kronika Nashan. Ia mengisahkan mengenai Melyn sebagai Aristokra Nashan, dan juga menyambung sorotan Perang Nashan yang sedang berlangsung.

Jalan penceritaan Wizra juga seperti Aristokra kerana penulis menggunakan teknik imbas kembali untuk mengembangkan penceritaan kronika ini. Selain itu, penulis turut menjelaskan tentang wizra-wizra di alam Imagina dirungkaikan dengan teliti. Dan, fokus utama Wizra ini adalah kisah hidup Nazril, iaitu karmawizra kepada kelana Armorikus.

Kelainan Wizra adalah penulis mendedahkan ciri-ciri kepintaran dan kebijaksanaan Melyn sebagai Aristokra Nashan dengan lebih terperinci. Bukti, menerusi cara Melyn menangani soal-soal pentadbiran, hal ehwal diplomasi, dan kewangan Nashan.

Karya kedua Ahmad Patria bersama PTS ini menjawab segala persoalan daripada novel pertama, Aristokra. Jadi, peminat setia Saga Artakusiad dan pembaca genre fantasi dan sains fiksyen tidak rugi untuk dapatkan buku Aristokra dan Wizra. Sebuah penceritaan yang berkualiti tinggi dan bersifat universal.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my